

melengahkan cita-cita perkembangan bahasa Melayu dan melengahkan kerja-kerja mengisi dan menunaikan hajat mengadakan buku-buku Melayu sama ada bersifat pengajaran atau ilmu pengetahuan bagi perkembangan bahasa Melayu supaya dapat berjalan dengan licin, licin dan lebih cergas.

* * *

Sambutan Dewan Bahasa

Teguran penerbit-penerbit Melayu terhadap sikap Dewan Bahasa dan Pustaka mengenai Pameran Buku-buku Melayu telah disambut oleh Ungku Abdul Aziz Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ungku Aziz menjelaskan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka sudah sedia mempunyai rancangan untuk mengadakan pameran buku-buku Melayu. Dewan Bahasa sekarang sedang mengumpul buku-buku Melayu lama dan baru untuk tujuan yang tersebut.

Beliau menyambut baik langkah Kesatuan Penerbit-penerbit Melayu hendak menganjurkan pameran buku-buku Melayu keluaran mereka sendiri dalam bulan Mei di Singapura dan di Persekutuan Tanah Melayu.

Ungku Aziz menegaskan lagi, bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka pernah mengumumkan bahawa satu daripada tujuannya ialah bekerjasama dan kalau mustahak membantu kemajuan perusahaan penerbit-penerbit Melayu.

* * *

Belum Ada Surat Rasmi

Penjelasan dari pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah disambut oleh Kesatuan Penerbit-penerbit Melayu dalam

suatu kenyataannya, bahawa pihaknya menyambut baik rancangan Dewan Bahasa dan Pustaka hendak mengadakan pameran buku-buku Melayu seperti yang diisytiharkan di dalam akhbar, “tetapi kami berasa dukacita menyatakan, bahawa hingga tarikh ini kami (K. P. M.) belum lagi menerima suatu surat rasmi dari pihak Dewan Bahasa dan Pustaka berkenaan dengan hal yang tersebut”. Kiranya benar apa yang telah tersiar itu, “kami harap Dewan Bahasa dan Pustaka akan membuat perhubungan rasmi dengan kami supaya dapat kami menyatukan rancangan kami untuk mengadakan pameran buku-buku Melayu bersama-sama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka”.

Mengenai keterangan Ungku Aziz yang menyatakan: “bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka pernah mengemukakan bahawa satu daripada tujuan-tujuannya ialah bekerjasama dan kalau perlu membantu kemajuan perusahaan penerbit-penerbit Melayu”, kenyataan penerbit-penerbit Melayu berkata: “Sepanjang pengetahuan Kesatuan Penerbit-penerbit Melayu pengumuman yang serupa itu belum pernah dibuat dengan cara rasmi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.”

“Bagi pihak Kesatuan Penerbit-penerbit Melayu memang sentiasa sedia bekerjasama atas segala soal-soal bagi kemajuan bahasa dan persuratan Melayu terutama dari Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah ditugaskan oleh Kongres Bahasa Melayu yang ketiga untuk mempertinggi dan memperkembangkan penerbitan-penerbitan persuratan Melayu, dan dasar Kesatuan Penerbit-penerbit Melayu adalah sentiasa mencari perpaduan atas kerja-kerja yang besar ini” - kata kenyataan itu lagi.